



**DEMOGRAFI SEBAGAI MODERATOR KE ATAS PENGARUH GAYA
KEPEMIMPINAN GURU BESAR DAN KOMPETENSI ICT TERHADAP
MOTIVASI APLIKASI E-PEMBELAJARAN GURU SEKOLAH RENDAH
TERPILIH DI MALAYSIA**

Oleh

MOHD ASRAF BIN M MOHD SIRAJ

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2024

FPP 2024 40

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial kepada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh di buat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**DEMOGRAFI SEBAGAI MODERATOR KE ATAS PENGARUH GAYA
KEPEMIMPINAN GURU BESAR DAN KOMPETENSI ICT TERHADAP
MOTIVASI APLIKASI E-PEMBELAJARAN GURU SEKOLAH RENDAH
TERPILIH DI MALAYSIA**

Oleh

MOHD ASRAF BIN M MOHD SIRAJ

Julai 2024

Pengerusi : Ahmad Aizuddin bin Md Rami, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pelaksanaan e-pembelajaran dalam sistem pendidikan telah berkembang pesat, khususnya di sekolah, selaras dengan reformasi pendidikan yang semakin maju. Kajian ini mengkaji pengaruh gaya kepemimpinan guru besar, iaitu transformasional dan instruksional, serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran. Selain itu, kajian ini menganalisis demografi guru, termasuk jantina, pengalaman mengajar, dan kelulusan akademik, sebagai moderator kepada motivasi guru. Kajian ini melibatkan 480 orang guru daripada 38 sekolah rendah di Melaka, Negeri Sembilan, dan Johor, menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif korelasi. Data dikumpulkan melalui soal selidik MLQ (*Multi Factor Leadership Questionnaire*), *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) untuk gaya kepemimpinan, dan soal selidik kompetensi ICT diadaptasi berdasarkan model TPACK. Tahap motivasi guru pula diukur menggunakan instrumen yang diadaptasi berdasarkan model TAM. Analisis data menggunakan

kaedah statistik seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, ANOVA, analisis korelasi Pearson, regresi, dan analisis SEM multi-model melalui AMOS. Dapatan menunjukkan bahawa gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta motivasi guru adalah pada tahap tinggi, manakala kompetensi ICT guru berada pada tahap sederhana. Analisis SEM mengesahkan bahawa gaya kepemimpinan guru besar dan kompetensi ICT guru memberi pengaruh dan kesan langsung terhadap motivasi guru, dengan kedua-dua faktor menyumbang 62.1% kepada varians motivasi.

Kajian ini mendapati bahawa kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi guru untuk melaksanakan e-pembelajaran. Selain itu, demografi seperti jantina dan kelulusan akademik bertindak sebagai moderator ke atas hubungan antara kompetensi ICT guru dan motivasi mereka, manakala demografi tidak bertindak sebagai moderator ke atas hubungan antara kepemimpinan guru besar dan motivasi. Oleh itu, disarankan agar Kementerian Pendidikan memberi tumpuan kepada program pembangunan profesional yang memperkukuh kompetensi ICT guru mengikut ciri demografi mereka. Kajian ini menekankan pentingnya gabungan kepemimpinan, kompetensi ICT, dan faktor demografi dalam mengoptimumkan pelaksanaan e-pembelajaran. Memartabatkan Kepemimpinan Guru Besar, Memperkukuh Kompetensi ICT Guru, Memperkasakan Motivasi Guru.

Kata Kunci: Transformasional, Instruksional, Kompetensi ICT, Motivasi E-Pembelajaran

SDG: MATLAMAT 4: Pendidikan Berkualiti

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**DEMOGRAPHICS AS A MODERATOR ON THE INFLUENCE OF
SCHOOLHEADS' LEADERSHIP STYLES AND ICT COMPETENCY
TOWARDS THE MOTIVATION FOR E-LEARNING APPLICATION
AMONG SELECTED PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN MALAYSIA.**

By

MOHD ASRAF BIN M MOHD SIRAJ

July 2024

Chairman : Ahmad Aizuddin bin Md Rami, PhD
Faculty : Educational Studies

E-learning has increasingly become a vital component of the education system, particularly in schools undergoing reform. This study examines how school heads' leadership styles, specifically transformational and instructional, alongside teachers' ICT competency, influence teachers' motivation in implementing e-learning. It also explores the moderating effects of teacher demographics, such as gender, teaching experience, and academic qualifications, on motivation. Conducted as a descriptive quantitative correlation study, the research utilized the MLQ (Multi-Factor Leadership Questionnaire) and the Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) to assess school heads' leadership styles. Teachers' ICT competency was measured using an adapted TPACK-based questionnaire, while their motivation to implement e-learning was evaluated through an instrument aligning with the TAM model. A total of 480 teachers from 38 primary schools in Melaka, Negeri Sembilan, and Johor participated. Data were analysed through frequency, percentage, mean, standard deviation, ANOVA, Pearson correlation (with p set at 0.05), regression, and structural

equation modelling (SEM) using AMOS. The results indicated high levels of transformational and instructional leadership among school heads and strong teacher motivation to implement e-learning, though ICT competency among teachers remained moderate. The SEM analysis confirmed direct effects of leadership styles and ICT competency on teacher motivation, with these factors explaining 62.1% of the variance in motivation.

This study identifies that school heads' transformational and instructional leadership and teachers' ICT competencies play a crucial role in enhancing teachers' motivation to implement e-learning. Additionally, demographic factors such as gender and academic qualifications moderate the relationship between teachers' ICT competencies and their motivation, while demographics do not moderate the relationship between principals' leadership and motivation. Therefore, the Ministry of Education should focus on professional development programs that strengthen teachers' ICT competencies tailored to their demographic characteristics. This study highlights the importance of integrating leadership, ICT competencies, and demographic factors to optimize e-learning implementation. Elevating School Heads' Leadership, Strengthening Teachers' ICT Competence, Empowering Teachers' Motivation.

Keywords: Transformational, Instructional, ICT Competency, E-Learning Motivation

SDG: GOAL 4: Quality Education,

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T, Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, yang dengan limpah kurnia-Nya, karya ini telah dapat diselesaikan. Kepada-Nya kita berserah dan bersyukur atas segala nikmat-Nya yang tidak terhingga.

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana memberi petunjuk, kekuatan, dan hikmah kepada saya sepanjang perjalanan menyiapkan tesis ini. Kehadiran-Nya sentiasa memberi ketenangan dan keyakinan kepada saya dalam menghadapi setiap cabaran dan rintangan yang saya lalui. Seterusnya, penghargaan yang paling mendalam saya ucapkan kepada penyelia tesis saya, Dr. Ahmad Aizuddin bin Md Rami. Terima kasih di atas kesabaran, bimbingan, dan sokongan yang tidak berbelah bagi yang telah diberikan sepanjang proses penulisan. Nasihat yang diberikan telah memberi pencerahan dan arah kepada saya dalam menyusun idea dan analisis.

Tidak lupa kepada semua responden dan subjek kajian yang telah memberikan masa, tenaga, dan maklum balas yang berharga. Sumbangan mereka merupakan kunci kejayaan penyelidikan ini dan saya menghargai setiap satu daripada mereka. Penghargaan yang setinggi-tingginya juga saya tujukan kepada keluarga saya, terutamanya ibu bapa saya iaitu Puan Mainon Binti Abdul Wahid dan Encik M Mohd Siraj Bin N M Ghouse serta seluruh ahli keluarga saya Puan Saleha Bee Bte M Mohd Siraj, Puan Suhailah Bte M Mohd Siraj dan Puan Munirah Bte M Mohd Siraj yang sentiasa memberi sokongan moral, doa, dan dorongan sepanjang perjalanan saya menyiapkan tesis ini. Tidak ketinggalan, kepada rakan-rakan saya iaitu Puan Muaza Shifa Binti Rumeli, Puan Radziah Binti Mokhtar dan Team Supervision DrAA yang

sentiasa memberi semangat dan sokongan dalam pelbagai bentuk, terima kasih atas kehadiran dan sokongan yang diberikan.

Akhir sekali, kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penulisan dan penyiapan tesis ini, terima kasih atas sumbangan dan sokongan anda. Penghargaan saya yang setinggi-tingginya kepada setiap individu yang telah membantu menjayakan kajian ini. Semoga segala usaha dan pengorbanan kita diberkati oleh Allah S.W.T. Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa yang membacanya dan menjadi satu sumbangan yang kecil kepada perkembangan ilmu pengetahuan. Akhir kata, saya bertawakal kepada Allah S.W.T, semoga segala amalan kita diberkati dan diterima-Nya dengan sebaik-baiknya. Segala puji hanya bagi Allah, Tuhan semesta alam.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PENGISTIHARAAN	viii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI RAJAH	xxiii
SENARAI SINGKATAN	xxvi
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	17
1.7.1 Teori	17
1.7.2 Metodologi	17
1.7.3 Instrumen	18
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.8.1 Perkembangan Teori	19
1.8.2 Pembangunan Polisi Pendidikan	20
1.8.3 Pengamal Pendidikan	21
1.9 Definisi Konseptual Dan Operasional	22
1.9.1 Kepemimpinan Transformasional	22
1.9.2 Kepemimpinan Instruksional	23
1.9.3 Kompetensi ICT Guru	24
1.9.4 Motivasi E-Pembelajaran	24
1.10 Rumusan	25
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	27
2.2 Konsep Motivasi	27
2.2.1 Teori Motivasi Maslow	31
2.2.2 Teori Motivasi Herzberg	34
2.2.3 Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berlandaskan Model Penerimaan Teknologi (TAM)	37
2.3 E-Pembelajaran	49
2.4 Teori Laluan-Matlamat (<i>Path Goal</i>)	52

2.5	Konsep Kepemimpinan	61
2.5.1	Teori Gaya Kepemimpinan Transformasional	62
2.5.2	Teori Gaya Kepemimpinan Instruksional	68
2.6	Kompetensi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Guru	73
2.7	Demografi Guru – Jantina, Pengalaman Mengajar Dan Tahap Pendidikan Sebagai Moderator Antara Gaya Kepemimpinan Guru Besar Terhadap Motivasi Pengajaran Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	81
2.8	Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Guru Besar Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	87
2.9	Pengaruh Gaya Kepemimpinan Instruksional Guru Besar Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	90
2.10	Pengaruh Kompetensi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	93
2.11	Rumusan Kajian Lepas	96
2.12	Kerangka Teoretikal	108
2.13	Kerangka Konseptual	111
2.14	Rumusan	113

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	114
3.2	Reka Bentuk Kajian	114
3.3	Lokasi Kajian	117
3.4	Populasi	118
3.5	Pensampelan	119
3.6	Instrumen Kajian	123
3.6.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	124
3.6.2	Bahagian B: Instrumen Gaya Kepemimpinan	124
3.6.3	Bahagian C: Instrumen Kompetensi ICT Guru	126
3.6.4	Bahagian D: Instrumen Motivasi	128
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	130
3.7.1	Kesahan Kandungan Pakar	131
3.7.2	Modifikasi Instrumen	133
3.7.3	Kajian Rintis	134
3.7.4	Analisis Kebolehpercayaan	135
3.7.5	Menyediakan Instrumen Dalam Kajian Sebenar	137
3.8	Etika Pentadbiran Soal Selidik Dan Pengumpulan Data	137
3.9	Penganalisan Data	139
3.9.1	Analisis Data Penerokaan (<i>Exploratory Data Analysis</i>)	142
3.9.1.1	Analisis Multikolineariti	142
3.9.1.2	Ujian Normaliti Pemboleh Ubah	143
3.9.1.3	Analisis Diagnosis Outliers	143
3.9.2	Analisis Statistik Deskriptif	144
3.9.3	Analisis Statistik Inferensi	145

3.9.3.1	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) (<i>Confirmatory Factor Analysis</i>)	147
3.9.3.1.1	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	149
3.9.3.1.1.1	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>First Order</i> Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	150
3.9.3.1.1.2	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Second Order</i> Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	151
3.9.3.1.1.3	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Parceling</i> Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	152
3.9.3.1.2	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Kepemimpinan Instruksional Guru Besar	153
3.9.3.1.2.1	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>First Order</i> Kepemimpinan Instruksional Guru Besar	153
3.9.3.1.2.2	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Second Order</i> Kepemimpinan Instruksional Guru Besar	154
3.9.3.1.2.3	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Parceling</i> Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	156
3.9.3.1.3	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Kompetensi ICT Guru	157
3.9.3.1.3.1	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>First Order</i> Kompetensi ICT Guru	157
3.9.3.1.3.2	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Second Order</i> Kompetensi ICT Guru	159
3.9.3.1.3.3	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Parceling</i> Kompetensi ICT Guru	160
3.9.3.1.4	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	161
3.9.3.1.4.1	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>First Order</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	161
3.9.3.1.4.2	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Second Order</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	162
3.9.3.1.4.3	Analisis Faktor Pengesahan (CFA) <i>Parceling</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	164
3.10	Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>)	165
3.11	Kebolehpercayaan Konstruk	166
3.12	Analisis Model Pengukuran Penuh	167
3.13	Analisis Kesahan Diskriminan Dan Korelasi	168
3.14	Analisis Ujian Normaliti	169
3.15	Analisis Ujian <i>Outliers</i>	170
3.16	Analisis Model Persamaan Berstruktur	171

3.17	Analisis Kesan Moderator	175
3.18	Ringkasan Analisis Statistik	176
3.19	Rumusan	178

4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	179
4.2	Profil Responden	180
4.3	Analisis Statistik Deskriptif	182
4.3.1	Tahap Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	183
4.3.1.1	Analisis Item Pengaruh Yang Ideal Atau Karismatik	184
4.3.1.2	Analisis Item Motivasi Berinspirasi	185
4.3.1.3	Analisis Item Rangsangan Intelek	186
4.3.1.4	Analisis Item Pertimbangan Individu	187
4.3.2	Tahap Kepemimpinan Instruksional Guru Besar	188
4.3.2.1	Analisis Item Menentukan Misi Sekolah	189
4.3.2.2	Analisis Item Mengurus Program Pengajaran	190
4.3.2.3	Analisis Item Mewujudkan Iklim Pembelajaran Sekolah	191
4.3.3	Tahap Kompetensi ICT Guru	193
4.3.3.1	Analisis Item Pengetahuan Pedagogi (PK)	194
4.3.3.2	Analisis Item Pengetahuan Kandungan (CK)	195
4.3.3.3	Analisis Item Pengetahuan Teknologi (TK)	196
4.3.3.4	Analisis Item Pengetahuan Kandungan Pedagogi (PCK)	197
4.3.3.5	Analisis Item Pengetahuan Pedagogi Teknologi (TPK)	198
4.3.3.6	Analisis Item Pengetahuan Kandungan Teknologi (TCK)	199
4.3.3.7	Analisis Item Pengetahuan Kandungan Pedagogi Teknologi (TPACK)	200
4.3.4	Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	201
4.3.4.1	Analisis Item Tanggapan Kebergunaan (PU)	202
4.3.4.2	Analisis Item Tanggapan Mudah Diguna (PEOU)	203
4.3.4.3	Analisis Item Keinginan Bertingkah Laku (ATU)	203
4.3.4.4	Analisis Item Penggunaan Sebenar (AU)	204
4.4	Analisis Pengujian Hipotesis Kajian	205
4.4.1	H _{A1} : Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Tahap Motivasi Guru-Guru Sekolah Rendah Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Jantina.	206
4.4.2	H _{A2} : Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Tahap Motivasi Guru-Guru Sekolah Rendah Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik.	207
4.4.3	H _{A3} : Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Tahap Motivasi Guru-Guru Sekolah Rendah Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan	208

	Pengalaman Mengajar.	
4.5	Analisis Pengujian Hipotesis Kajian	209
4.5.1	H _A 4: Terdapat Kesan Langsung Antara Gaya Kepemimpinan Transformasional Guru Besar Dengan Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	210
4.5.2	H _A 5: Terdapat Kesan Langsung Antara Gaya Kepemimpinan Instruksional Guru Besar Dengan Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik.	211
4.5.3	H _A 6: Terdapat Kesan Langsung Antara Kompetensi ICT Guru Dengan Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	212
4.5.4	H _A 7: Terdapat Pengaruh Yang Signifikan Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	212
4.5.5	H _A 8: Demografi Guru Iaitu Jantina Guru Berperanan Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	213
4.5.6	H _A 9: Demografi Guru Iaitu Pengalaman Mengajar Guru Berperanan Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	217
4.5.7	H _A 10: Demografi Guru Iaitu Kelulusan Akademik Guru Berperanan Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	221
4.6	Hasil Ujian Hipotesis Kajian	226
4.6	Rumusan	227

5 KESIMPULAN, CADANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

5.1	Pendahuluan	228
5.2	Ringkasan Kajian	228
5.3	Perbincangan Hipotesis Kajian	237
5.3.1	Perbincangan Tahap Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	237
5.3.2	Perbincangan Tahap Kepemimpinan Instruksional Guru Besar	243
5.3.3	Perbincangan Tahap Kompetensi ICT Guru	248
5.3.4	Perbincangan Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	258
5.3.5	Perbincangan Dapatan Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan	265

	Jantina.	
5.3.6	Perbincangan Dapatan Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E- Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	268
5.3.7	Perbincangan Dapatan Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Terhadap Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik.	270
5.3.8	Perbincangan Dapatan Terdapat Kesan Langsung Antara Gaya Kepemimpinan Transformasional Guru Besar Dengan Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E- Pembelajaran.	272
5.3.9	Perbincangan Dapatan Terdapat Kesan Langsung Antara Gaya Kepemimpinan Instruksional Guru Besar Dengan Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	279
5.3.10	Perbincangan Dapatan Terdapat Kesan Langsung Antara Kompetensi ICT Guru Dengan Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	286
5.3.11	Perbincangan Dapatan Terdapat Pengaruh Yang Signifikan Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E- Pembelajaran.	298
5.3.12	Perbincangan Dapatan Demografi Guru Iaitu Jantina Guru Berperanan Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran.	316
5.3.13	Perbincangan Dapatan Demografi Guru Iaitu Pengalaman Mengajar Guru Berperanan Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E- Pembelajaran.	323
5.3.14	Perbincangan Dapatan Demografi Guru Iaitu Kelulusan Akademik Guru Berperanan Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E- Pembelajaran.	327
5.3	Kesimpulan	332
5.4	Implikasi Kajian	344
5.4.1	Implikasi Penyelidikan	344
5.4.2	Implikasi Teoretikal	347
5.4.3	Implikasi Praktikal	356
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	361
5.6	Penutup	364
RUJUKAN		366
LAMPIRAN		405



© COPYRIGHT UPM

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Teori Faktor Motivasi Dan Hygiene	35
2	Pemboleh ubah TAM sebagai Keperluan Asas (Lee et al., 2003)	43
3	Rumusan Kajian Kepemimpinan Transformasional	98
4	Rumusan Kajian Kepemimpinan Instruksional	100
5	Rumusan Kajian Kompetensi ICT Guru	102
6	Bilangan Sekolah dan Guru Mengikut Daerah di Negeri Zon Selatan	119
7	Taburan Sampel, Sekolah, Dan Bilangan Populasi Guru Pada Setiap Sekolah.	122
8	Jadual skala Likert 5 Markat Tahap Kepemimpinan Guru Besar	126
9	Skala Likert 5 Markat Tahap Kompetensi ICT Guru	128
10	Skala Likert 5 Markat Tahap Motivasi Guru	129
11	Jadual Item Soalan	130
12	Rumusan Kesahan Instrumen Oleh Pakar	132
13	Jumlah Sekolah dan Responden	134
14	Analisis Ujian Rintis	136
15	Korelasi Antara Pemboleh Ubah	142
16	Nilai Tolerance Dan VIF Antara Pemboleh Ubah	142
17	Keputusan Ujian Normaliti	143
18	Nilai Min dan Trimmed Mean	144
19	Interpretasi Nilai Kecenderungan Min	145

20	Tahap Min dan Interpretasi Nilai Kecenderungan Min Bagi Pemboleh Ubah Kajian	145
21	Tiga Kategori Dalam Kesepadanan Model Dan Tahap Penerimaannya Atau Indeks Goodness-of-Fit	148
22	Ringkasan Model Fit First Order Kepemimpinan Transformasional	150
23	Ringkasan Model Fit Second Order Kepemimpinan Transformasional	151
24	Ringkasan Model Fit <i>Parceling</i> Kepemimpinan Transformasional	152
25	Ringkasan Model Fit <i>First Order</i> Kepemimpinan Instruksional	154
26	Ringkasan Model Fit <i>Second Order</i> Kepemimpinan Instruksional	155
27	Ringkasan Model Fit <i>Parceling</i> Kepemimpinan Instruksional	156
28	Ringkasan Model Fit <i>First Order</i> Kompetensi ICT Guru	158
29	Ringkasan Model Fit <i>Second Order</i> Kompetensi ICT Guru	159
30	Ringkasan Model Fit <i>Parceling</i> Kompetensi ICT Guru	160
31	Ringkasan Model Fit <i>First Order</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	162
32	Ringkasan Model Fit <i>Second Order</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	163
33	Ringkasan Model Fit <i>Parceling</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	164
34	Nilai Faktor Beban Dan AVE Setiap Konstruk	165
35	Nilai CR dan <i>Cronbach Alpha</i> Bagi Setiap Konstruk	166
36	Kriteria Kebolehterimaan Model Pengukuran Penuh	167
37	Ringkasan Model <i>Fit</i> Untuk Model Pengukuran Penuh Kajian	168
38	Korelasi Antara Pemboleh Ubah	169

39	Keputusan Analisis Ujian Normaliti	169
40	Keputusan Analisis Ujian <i>Outliers</i>	170
41	Ringkasan Model <i>Fit</i> Untuk Model Persamaan Berstruktur Kajian	173
42	Analisis Model Persamaan Struktur Terhadap Hipotesis Kajian	174
43	Alat Pengukuran Data Kajian	177
44	Analisis Taburan Demografi Responden	182
45	Tahap Kepemimpinan Transformasional Guru Besar	184
46	Analisis Item Pengaruh Yang Ideal Atau Karismatik	185
47	Analisis Item Motivasi Berinspirasi	186
48	Analisis Item Rangsangan Intelek	187
49	Analisis Item Pertimbangan Individu	188
50	Tahap Kepemimpinan Instruksional Guru Besar	189
51	Analisis Item Menentukan Misi Sekolah	190
52	Analisis Item Mengurus Program Pengajaran	191
53	Analisis Item Mewujudkan Iklim Pembelajaran Sekolah	192
54	Tahap Kompetensi ICT Guru	194
55	Analisis Item Pengetahuan Pedagogi (PK)	194
56	Analisis Item Pengetahuan Kandungan (CK)	196
57	Analisis Item Pengetahuan Teknologi (TK)	196
58	Analisis Item Pengetahuan Kandungan Pedagogi (PCK)	197
59	Analisis Item Pengetahuan Kandungan Pedagogi (TPK)	198

60	Analisis Item Pengetahuan Kandungan Pedagogi (TCK)	199
61	Analisis Item Pengetahuan Kandungan Pedagogi (TPACK)	200
62	Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	202
63	Analisis Item Tanggapan Kebergunaan (PU)	202
64	Analisis Item Tanggapan Mudah Diguna (PEOU)	203
65	Analisis Item Keinginan Bertingkah Laku (ATU)	204
66	Analisis Item Penggunaan Sebenar (AU)	205
67	Jadual Ujian-t Untuk Perbandingan Tahap Motivasi Guru-Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Jantina	206
68	Jadual Taburan Untuk Perbandingan Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	208
69	Jadual Ujian ANOVA Satu-Hala Untuk Perbandingan Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Mengajar.	208
70	Jadual Ujian-t Untuk Perbandingan Tahap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran Berdasarkan Kelulusan Akademik	209
71	Analisis Model Persamaan Struktur Terhadap Hipotesis Kajian	210
72	Analisis Model Persamaan Struktur Terhadap Hipotesis Kajian	213
73	Analisis Keputusan Kesan Moderator Jantina Guru Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	217
74	Analisis Keputusan Kesan Moderator Pengalaman Mengajar Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	221

75	Analisis Keputusan Kesan Moderator Kelulusan Akademik Guru Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	225
76	Keputusan Analisis Hipotesis Kajian	226



SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Piramid Hierarki Keperluan Maslow	34
2	Model Penerimaan Teknologi (TAM) (Davis e tal., 1989 & Ishak, 2014)	40
3	Ringkasan model teori laluan-matlamat 'Path Goal' (Robert j. House, 1971)	54
4	Kerangka Teori Kepemimpinan Transformasional Burns (1978) Dan Bass (1985)	67
5	Model Kepemimpinan Instruksional oleh Hallinger dan Murphy (1985)	70
6	Model TPACK 'Technological Pedagogical Content Knowledge' (Mishra & Koehler, 2006)	79
7	Amalan Kepimpinan Teknologi Pengetua Dan Penerimaan Guru Dan Penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah	105
8	Hubungan Antara Kompetensi ICT Guru Dan Penerimaan Guru Dan Penggunaan Sistem Pengurusan Sekolah (SMS)	107
9	Kerangka Teoretikal Demografi Guru Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional, Instruksional, Dan Struktur Guru Besar Terhadap Motivasi Pengajaran Guru Dalam Mengaplikasi E-Pembelajaran	111
10	Kerangka Konseptual Demografi Guru Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional, Instruksional, Dan Struktur Guru Besar Terhadap Motivasi Pengajaran Guru Dalam Mengaplikasi E-Pembelajaran	112
11	Model Pengukuran <i>First Order</i> Kepemimpinan Transformasional	150
12	Model Pengukuran <i>Second Order</i> Kepemimpinan Transformasional	151
13	Model Pengukuran <i>Parceling</i> Kepemimpinan Transformasional	152

14	Model Pengukuran <i>First Order</i> Kepemimpinan Instruksional	154
15	Model Pengukuran <i>Second Order</i> Kepemimpinan Instruksional	155
16	Model Pengukuran <i>Parceling</i> Kepemimpinan Instruksional	156
17	Model Pengukuran <i>First Order</i> Kompetensi ICT Guru	158
18	Model Pengukuran <i>Second Order</i> Kompetensi ICT Guru	159
19	Model Pengukuran <i>Parceling</i> Kompetensi ICT Guru	160
20	Model Pengukuran <i>First Order</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	162
21	Model Pengukuran <i>Second Order</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	163
22	Model Pengukuran <i>Parceling</i> Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	164
23	Model Pengukuran Penuh Kajian	167
24	Model Persamaan Berstruktur Kajian	173
25	Model Akhir Kajian	173
26	Model Kesan Moderator Jantina Guru (Lelaki) Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	216
27	Model Kesan Moderator Jantina Guru (Perempuan) Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	216
28	Model Analisis Keputusan Kesan Moderator Jantina Guru Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	217
29	Model Kesan Moderator Pengalaman Mengajar Guru (Pengalaman Tahap Rendah) Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru	220

	Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	
30	Model Kesan Moderator Pengalaman Mengajar Guru (Pengalaman Tahap Tinggi) Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	220
31	Model Kesan Moderator Kelulusan Akademik Guru (Ijazah Sarjana Muda) Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	224
32	Model Kesan Moderator Kelulusan Akademik Guru (Ijazah Sarjana) Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	224
33	Model Analisis Keputusan Kesan Moderator Kelulusan Akademik Guru Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Transformasional Dan Instruksional Guru Besar Serta Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	225
34	Model Hubungan Inklusif Demografi Guru Sebagai Moderator Ke Atas Pengaruh Gaya Kepemimpinan Guru Besar Dan Kompetensi ICT Guru Terhadap Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran	356

SENARAI SINGKATAN

AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
AU	<i>Actual Usage</i> (Penggunaan Sebenar)
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
BI	<i>Behavioral Intention</i> (Keinginan Bertingkah-Laku)
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
CK	<i>Content Knowledge</i> (Pengetahuan Kandungan)
CR	<i>Construct Reliability</i>
DF / df	<i>Degree of Freedom</i> (Darjah Kebebasan)
EFA	<i>Exploratory Factor Analysis</i>
ICT	<i>Information Communication Technology</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KMO	<i>Kayser Meyer Olkin</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MLQ	<i>Multifactor Leadership Questionnaire</i>
PCK	<i>Pedagogical Content Knowledge</i> (Pengetahuan Kandungan Pedagogi)
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PEOU	<i>Perceived Ease of Use</i> (Tanggapan Mudah Diguna)
PIMRS	<i>Principal Instructional Management Rating Scale</i>
PK	<i>Pedagogical Knowledge</i> (Pengetahuan Pedagogi)
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PU	<i>Perceived Usefulness</i> (Tanggapan Kebergunaan)
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SGM	Standard Guru Malaysia
Sig	<i>Significant</i>
SKD	Standard Kompetensi Digital

TAM	<i>Technology Acceptance Model</i>
TCK	<i>Technological Content Knowledge</i> (Pengetahuan Kandungan Teknologi)
TK	<i>Technological Knowledge</i> (Pengetahuan Teknologi)
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TPACK	<i>Technological Pedagogical Content Knowledge</i>
TPK	<i>Technological Pedagogical Knowledge</i> (Pengetahuan Pedagogi Teknologi)
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
VUCA	<i>Volatility, Uncertainty, Complexity And Ambiguity</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia bertujuan melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek, menjadi panduan utama dalam pembangunan sistem pendidikan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 pula digubal untuk merealisasikan falsafah ini melalui pelbagai anjakan strategik, termasuk pemerksaan kepimpinan sekolah dan penggunaan teknologi dalam pengajaran. Dalam konteks ini, motivasi guru memainkan peranan penting dalam mengaplikasikan e-pembelajaran, yang semakin relevan dengan perkembangan teknologi dan keperluan pendidikan abad ke-21 (Jekri & Han, 2020; Madzlan & Abu Bakar, 2022). Lebih-lebih lagi, dalam situasi VUCA (volatility, uncertainty, complexity, ambiguity), di mana penggunaan teknologi dalam pendidikan semakin meluas, tahap motivasi guru yang tinggi adalah diperlukan untuk mengaplikasikan e-pembelajaran secara berkesan. Guru besar, sebagai pemimpin sekolah, mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.

Justeru itu, kepemimpinan yang berkesan oleh guru besar dapat mempengaruhi motivasi guru, yang seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar dan memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Baharuzaini Baharin et al., 2017; Sauri et al., 2018). Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kepemimpinan di sekolah adalah kunci untuk memastikan pentadbiran yang baik, meningkatkan motivasi guru,

memperkasakan pelaksanaan kurikulum yang berkesan, dan mewujudkan situasi pembelajaran yang kondusif (Muchiri & Were, 2016; Sandar et al., 2018; Yalçinkaya et al., 2021; Zarwini et al., 2022).

Tambahan pula, kompetensi ICT guru adalah penting dalam era digital ini. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menjadi semakin penting, di mana guru perlu menguasai teknologi untuk meningkatkan kualiti pengajaran (Lau & Rosli, 2020; Hamid et al., 2021). Sistem pembelajaran di Malaysia kini lebih bergantung kepada teknologi seperti Google Classroom dan aplikasi lain, menggantikan kaedah tradisional. Hal ini sejalan dengan matlamat anjakan ketujuh PPPM yang menekankan pemanfaatan ICT dalam pendidikan. Oleh itu, guru perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran ICT untuk memenuhi keperluan pendidikan masa kini.

Kesimpulannya, falsafah pendidikan Malaysia yang berfokus kepada pembangunan individu secara holistik memerlukan kepemimpinan yang berkesan oleh guru besar, penguasaan ICT oleh guru, dan motivasi yang tinggi di kalangan guru. Semua elemen ini adalah penting untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan dan memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penyelidikan yang mendalam dan pelaksanaan strategi yang berkesan adalah diperlukan untuk memastikan kejayaan sistem pendidikan di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemajuan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi telah memaksa para pendidik, khususnya guru, untuk menghadapi cabaran sistem pendidikan dalam

konteks VUCA (*volatility, uncertainty, complexity, ambiguity*), yang semakin tidak dapat dijangka (Puloo & Oojorah, 2020; Yacob, & John, 2023). Dalam dunia pendidikan, situasi ini memberi kesan besar kepada motivasi guru, terutama dalam mengadaptasi e-pembelajaran dan ICT untuk menyediakan pelajar menghadapi cabaran masa depan. Hal ini kerana, e-pembelajaran bukan hanya memberi peluang untuk meningkatkan kualiti pengajaran, tetapi juga merapatkan jurang digital antara pelajar serta meningkatkan pengalaman pembelajaran secara keseluruhan.

Salah satu strategi untuk menghadapi situasi ini adalah dengan melaksanakan penerapan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan e-pembelajaran yang boleh memainkan peranan yang penting dalam mentransformasikan pendidikan yang dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran, merapatkan jurang digital, dan menyediakan pelajar untuk mengharungi masa hadapan (Waller et al., 2019; Khan et al., 2023). Hal ini adalah kerana, terdapatnya permintaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT yang tinggi dalam pelbagai sektor terutamanya pendidikan. Perkara ini dapat dilihat di mana mengikut statistik tahun 2020, kadar penggunaan internet individu di Malaysia meningkat daripada 84.2% pada 2019 kepada 89.6%, manakala kadar penggunaan komputer meningkat daripada 72.1% pada 2019 kepada 80.0% pada 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Oleh yang demikian, berdasarkan analisis penggunaan teknologi yang semakin meluas ini beberapa pendekatan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merealisasikan penerapan teknologi dalam sistem pendidikan. Antara pendekatan yang diambil ialah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menekankan kepentingan penerapan ICT dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) pada anjakan ketujuh iaitu memanfaatkan penggunaan ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Berdasarkan analisis penggunaan dan kepentingan teknologi ini dapat membuktikan bahawa pengetahuan dan penerapan ICT dalam kehidupan harian pada masa kini dan juga sektor pendidikan adalah sangat penting dan menjadi sebagai satu cabang ilmu pengetahuan dan kemahiran yang perlu dikuasai. Justeru itu, pemimpin di sekolah seperti guru besar dan guru perlulah sentiasa memainkan peranan untuk mentadbir sekolah dengan berkesan dan mempunyai keupayaan untuk menggunakan teknologi untuk menyokong pembelajaran pelajar.

Sehubungan dengan itu, salah satu cabaran terbesar dalam sistem pendidikan adalah mengekalkan tahap motivasi dalam kalangan guru semasa ICT seperti e-pembelajaran dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Hal ini demikian kerana motivasi guru dianggap sebagai salah satu faktor penting, terutamanya dalam mengekalkan momentum dan rentak yang akan menentukan hala tuju proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, serta memberi impak positif kepada motivasi murid (Lai & Han, 2020; Paudel, 2020). Motivasi guru dalam penerapan ICT dan e-pembelajaran juga bukan sahaja dianggap sebagai pemangkin transformasi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) malah turut menyumbang kepada transformasi bidang profesion perguruan ke arah produktiviti yang lebih berkesan (Vinathan, 2016; Stumbrienė et al., 2024). Oleh itu, motivasi guru dianggap penting dalam menggalakkan kesan positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran, yang seterusnya mewujudkan kecemerlangan dalam kalangan pelajar. Pada masa yang sama, motivasi pengajaran guru yang tinggi juga berpotensi untuk mendorong pelajar terlibat secara aktif dalam bilik darjah, memastikan pelaksanaan transformasi pendidikan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dapat dilaksanakan dengan efektif.

Oleh yang demikian, salah satu faktor dalam mempengaruhi kejayaan dalam mengaplikasikan e-pembelajaran dan ICT di sekolah pada zaman serba canggih yang dilengkapi dengan teknologi terutamanya dalam era pendidikan adalah melalui gaya kepemimpinan (Talip & Tiop, 2020). Hal ini dapat dilihat di mana Kementerian Pendidikan Malaysia dalam anjakan kelima Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia PPPM (2013-2025) iaitu menerapkan kepemimpinan berprestasi tinggi di sekolah dan memfokuskan kepada dua jenis kepemimpinan iaitu kepemimpinan transformasional dan instruksional (Noorshazrina Faustine & Mohd Izham Mohd Hamzah, 2017; Kamsudin et al., 2020). Ini kerana kedua-dua kepemimpinan ini mempunyai dimensi yang berbeza iaitu kepemimpinan transformasi mempunyai empat dimensi utama, iaitu memupuk pengaruh atau karisma yang diingini, membina rangsangan intelek, pertimbangan peribadi, dan motivasi yang memberi inspirasi yang boleh menjadi sebagai perangsang kemajuan dalam sistem pendidikan khususnya dalam perubahan organisasi (Parris & Peachey, 2013; Mei Kin, Abdull Kareem, Nordin, & Wai Bing, 2017). Manakala kepemimpinan instruksional mempunyai tiga dimensi iaitu menentukan misi sekolah, menguruskan program pengajaran dan mewujudkan iklim pembelajaran sekolah di mana pengaruh tingkah laku guru besar terhadap pengajaran dan pembelajaran (Duman et al., 2021; Nara & Mansor, 2021). Berdasarkan definisi kedua-dua gaya kepemimpinan ini menunjukkan bahawa guru besar juga sebagai seorang pemimpin perlu lebih bersedia dan peka dalam menerima terhadap perubahan yang berlaku secara mendadak dalam menerapkan ICT dalam organisasi serta proses pengajaran dan pemudahcaraan. Oleh sebab itu, kepemimpinan dan kesedaran kepentingan penerapan ICT dalam kurikulum di kalangan pemimpin, pentadbir dan juga guru adalah amat penting dalam memastikan pengurusan serta penerapan e-pembelajaran di sekolah berjalan dengan lancar dan berkesan.

Seterusnya, kompetensi ICT yang optimum dikalangan guru perlu dititikberatkan bagi merealisasikan penerapan ICT dalam sistem pendidikan. Kompetensi ICT guru merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan teknologi dengan berkesan dalam strategi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Darus & Hamid, 2018; Bakar & Nasri, 2021). Guru yang mempunyai kompetensi teknologi maklumat dan komunikasi ICT yang optimum adalah lebih bermotivasi untuk mengaplikasikan teknologi seperti e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan dan berupaya mewujudkan kaedah pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif. Oleh sebab itu, tahap kompetensi ICT yang tinggi dikalangan guru adalah salah satu faktor yang boleh mempengaruhi motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan dan secara tidak langsung hal ini boleh membawa kepada peningkatan prestasi pelajar yang lebih baik.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian lepas telah menunjukkan bahawa jantina, pengalaman mengajar, dan tahap pendidikan guru boleh memberi kesan kepada motivasi mereka untuk melaksanakan ICT dalam pengajaran mereka (Triyanto, 2016; Abdullah, 2019; & Jekri & Han, 2020). Faktor jantina telah didapati menjadi faktor motivasi guru untuk melaksanakan ICT. Kajian telah menunjukkan bahawa guru wanita lebih cenderung bermotivasi untuk menggunakan ICT dalam pengajaran mereka berbanding guru lelaki (G. Serin, 2015; Lubis et al., 2020). Hal ini disebabkan oleh fakta bahawa guru wanita sering lebih tertumpu kepada pembelajaran berpusatkan pelajar dan mungkin melihat ICT sebagai alat untuk meningkatkan penglibatan pelajar dan hasil pembelajaran. Pengalaman mengajar juga merupakan faktor utama motivasi guru untuk melaksanakan ICT. Guru yang mempunyai pengalaman bertahun-tahun cenderung kurang bermotivasi untuk menggunakan ICT dalam pengajaran mereka

daripada guru baru (Jekri & Han, 2020; Habibah et al., 2024). Hal ini disebabkan oleh guru-guru baru lebih terbuka kepada kaedah dan teknologi pengajaran baru dan melihat penerapan ICT seperti e-pembelajaran sebagai kaedah yang efektif untuk meningkatkan pembelajaran pelajar. Seterusnya, kelulusan akademik guru juga merupakan faktor motivasi guru untuk melaksanakan ICT. Guru-guru yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi cenderung untuk lebih bermotivasi untuk menggunakan ICT dalam pengajaran mereka daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih rendah (Sharma & Srivastava, 2020; Yahya et al., 2022). Hal ini disebabkan oleh guru-guru yang mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi mempunyai lebih banyak pendedahan kepada ICT untuk mengaplikasikan e-pembelajaran dan mungkin mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang potensi manfaatnya untuk pembelajaran pelajar.

Kesimpulannya, kejayaan pelaksanaan penerapan ICT seperti mengaplikasikan e-pembelajaran merentas kurikulum melalui sistem pendidikan terutamanya dalam persekitaran VUCA bergantung kepada motivasi guru, kompetensi ICT guru, gaya kepemimpinan guru besar dan juga demografi guru. Guru-guru yang mempunyai kompetensi ICT yang optimum dan bermotivasi untuk menggunakan teknologi di dalam bilik darjah, bersama-sama dengan sokongan dan bimbingan daripada kepimpinan guru besar dapat mengintegrasikan teknologi secara berkesan ke dalam amalan pengajaran dan pemudahcaraan yang akhirnya akan memberi manfaat kepada prestasi akademik pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mengubah landskap pendidikan dengan e-pembelajaran menjadi platform penting untuk mentransformasikan pengajaran tradisional kepada yang lebih interaktif, inovatif, dan efektif. Secara tidak langsung e-pembelajaran mampu menawarkan pelbagai kelebihan dengan menggunakan teknologi dalam meningkatkan prestasi akademik pelajar (Nanang et al., 2021; Madzlan & Abu Bakar, 2022). Akan tetapi, tahap keberkesanan e-pembelajaran banyak bergantung kepada motivasi guru untuk mengaplikasikan kaedah ini secara konsisten dan berkesan. Ini adalah kerana motivasi guru memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan merupakan salah satu faktor asas yang memberi kesan positif terhadap mana-mana proses pembelajaran pendidikan (Beardsley et al. 2021; Hassan & Hashim 2021).

Namun, di Malaysia, walaupun terdapat kesedaran tentang potensi e-pembelajaran dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran dan meningkatkan hasil akademik, tetapi motivasi guru untuk mengintegrasikan kaedah ini masih berada pada tahap rendah hingga sederhana (Vinathan, 2016; Darus & Hamid, 2018; Sher Ryn & SC, 2020; Letchmanan & Saad, 2021; Rojalai & Hashim, 2022). Darus dan Hamid, (2018) pula mendapati bahawa walaupun terdapat pertambahan kelengkapan peralatan komputer dan teknologi di sekolah namun tahap motivasi pengajaran guru adalah tidak konsisten dalam kalangan guru-guru dalam penggunaan ICT disebabkan oleh kebanyakan mereka menolak penerapan ICT dalam pendidikan. Hal ini membimbangkan kerana motivasi guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran, terutama dalam meningkatkan hasil pembelajaran murid-murid (Evonne & Gregory, 2017; Hassan &

Hashim 2021; Madzlan & Abu Bakar, 2022). Oleh yang demikian, dengan pelbagai isu yang sering dikaitkan dengan motivasi guru sekolah rendah dalam mengaplikasikan e-pembelajaran, adalah jelas bahawa kajian yang lebih mendalam dan menyeluruh masih perlu dijalankan. Ini termasuklah meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi guru yang boleh meningkatkan motivasi mereka dalam mengaplikasikan e-pembelajaran. Kajian ini bukan sahaja penting untuk memahami isu-isu yang wujud, tetapi juga untuk membina dasar dan amalan yang lebih baik bagi memastikan keberkesanan e-pembelajaran di peringkat sekolah rendah.

Untuk mengatasi permasalahan tahap motivasi guru yang rendah dan sederhana dalam mengaplikasikan e-pembelajaran, adalah penting untuk mengkaji faktor-faktor yang boleh meningkatkan motivasi guru dalam penggunaan teknologi atau e-pembelajaran. Salah satu faktor yang dikenal pasti ialah pengaruh daripada gaya kepemimpinan guru besar di sekolah. Berdasarkan anjakan yang kelima PPM 2013-2025 menyatakan bahawa setiap sekolah perlu mempunyai pemimpin berprestasi tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2021). Salah satu ciri pemimpin berprestasi tinggi ini iaitu cemerlang dari semua aspek termasuklah menguasai dan mempunyai kompetensi ICT yang optimum untuk mentadbir sekolah dengan efektif (Sinnappen et al., 2019). Hal ini kerana gaya kepemimpinan berprestasi tinggi dan berkesan mampu meningkatkan motivasi guru dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi mereka dalam mengaplikasikan e-pembelajaran (Ying & Alias, 2021; Visvanathan & Mavani, 2022). Selain itu, kepimpinan yang berprestasi tinggi juga merupakan salah satu elemen yang mempengaruhi motivasi guru untuk mengintegrasikan ICT dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (Siti Fatimah & AB. Halim, 2010; Prasad et al., 2015; Siti Hajar & Suguneswary, 2016). Oleh itu, gaya kepimpinan guru besar menjadi faktor penting

dalam mempengaruhi motivasi guru untuk menggunakan teknologi dan e-pembelajaran secara efektif.

Justeru itu, kompetensi ICT guru juga adalah salah satu faktor utama yang mempengaruhi tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran dalam bilik darjah. Perkara ini juga dititikberatkan oleh Standard Kompetensi Digital yang menekankan semua guru dan pelajar perlu mahir dalam ICT dan juga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) pada anjakan ketujuh di mana guru-guru perlu memanfaatkan ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Ini adalah kerana kompetensi ICT tidak hanya melibatkan kemahiran teknikal menggunakan peralatan teknologi, tetapi meliputi penguasaan pengetahuan pedagogi untuk mengintegrasikan teknologi dengan berkesan dalam proses pembelajaran (Hamid et al., 2021; Ying & Alias, 2021). Selain itu, hasil kajian oleh Yamat (2021) dan Saimi & Yamat (2021), mendapati bahawa guru yang memiliki kompetensi teknologi yang optimum lebih bermotivasi untuk mengaplikasikan e-pembelajaran memandangkan mereka lebih selesa dan berupaya menggunakan perisian, aplikasi, dan alat teknologi untuk menyokong pembelajaran pelajar. Guru yang mempunyai kompetensi ICT yang tinggi juga berupaya melengkapi dirinya dengan pengetahuan mengenai method yang bersesuaian dalam mengintegrasikan teknologi dalam pedagogi (Rojalai & Hashim, 2022). Hal ini secara tidak langsung guru bersedia untuk mencuba pendekatan pengajaran yang inovatif, yang pada akhirnya memberi impak positif kepada motivasi mereka.

Sebaliknya, guru yang mempunyai tahap kompetensi ICT yang rendah cenderung untuk mengalami kerisauan dan ketidakpastian, yang menjejaskan motivasi mereka

untuk mencuba dan meneroka kaedah e-pembelajaran (Usher et al., 2021). Dengan demikian, jelaslah bahawa tahap kompetensi ICT guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran secara efektif. Hal ini kerana hanya guru yang yakin dan berkemahiran dalam penggunaan teknologi akan mampu untuk memanfaatkan potensi teknologi sepenuhnya dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, kajian lanjut perlu pengaruh kompetensi ICT guru terhadap tahap motivasi mereka, bagi membolehkan usaha intervensi yang lebih spesifik dan berkesan dapat dirancang dan dilaksanakan dalam sistem pendidikan.

Dalam pada itu, hasil kajian lepas Sandar, (2018); Othman, (2021); dan M Mohd Siraj et al., (2022) menunjukkan terdapat perkaitan antara gaya kepemimpinan guru besar dengan motivasi guru secara umum. Namun demikian, kajian yang mengkaji pengaruh gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran masih belum dilaksanakan dalam konteks nasional. Kajian seperti ini adalah sangat penting terutamanya kepemimpinan transformasional dan kepemimpinan instruksional yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Tambahan pula, transformasional sistem pendidikan iaitu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi merentas kurikulum seperti e-pembelajaran yang meluas memerlukan pelaksanaan kajian empirikal berkaitan pengaruh gaya kepemimpinan guru besar terhadap motivasi pengajaran guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.

Selain daripada itu, faktor demografi seperti jantina, pengalaman mengajar, dan kelulusan akademik turut memainkan peranan penting dalam menentukan tahap

motivasi seseorang guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka (Triyanto, 2016; Abdullah, 2019; Jekri & Han, 2020). Sebagai contoh, pengalaman mengajar dan jantina berperanan sebagai moderator di mana pengalaman mengajar yang lebih lama cenderung untuk memberi motivasi yang lebih tinggi kepada guru dalam menggunakan pelbagai kaedah pengajaran, termasuk e-pembelajaran, manakala jantina pula mempengaruhi motivasi dan tahap penerimaan terhadap penggunaan teknologi dalam pengajaran (Sharma & Srivastava, 2020). Walaupun faktor-faktor ini dapat memberikan gambaran yang lebih baik mengenai motivasi guru, kajian mengenai aspek demografi guru ini masih kurang dijalankan secara meluas, menyebabkan kekurangan data yang tepat untuk memahami peranan sebenar faktor-faktor ini dalam konteks motivasi guru (Mahdi & Al-dera, 2013; Bambang Budi Wiyono, 2016; Sharma & Srivastava, 2020). Kajian yang lebih mendalam mengenai faktor demografi ini penting untuk mengenal pasti perbezaan individu antara guru yang boleh mempengaruhi tahap motivasi mereka dalam mengintegrasikan e-pembelajaran. Oleh sebab itu, kajian mengenai demografi guru sebagai moderator kepada pengaruh gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran perlu dilaksanakan (Sandar et al., 2018; Omar et al., 2019). Kajian ini penting untuk memahami bagaimana faktor-faktor demografi boleh mengubah hubungan antara kepemimpinan sekolah dan motivasi guru, dengan fokus khusus pada pengintegrasian teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan memahami faktor-faktor demografi ini, strategi yang lebih sesuai dan tepat dapat dirangka untuk meningkatkan motivasi guru dan memastikan penggunaan e-pembelajaran yang lebih meluas dan efektif di sekolah-sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan penerangan fakta dan permasalahan terhadap hubungan gaya kepemimpinan dan kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran, terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai seperti berikut:

1. Menentukan tahap
 - a) kepemimpinan transformasional guru besar.
 - b) kepemimpinan instruksional guru besar.
 - c) kompetensi ICT guru.
 - d) motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
2. Menentukan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran berdasarkan jantina, kelulusan akademik, dan pengalaman mengajar guru.
3. Menentukan terdapat kesan langsung antara gaya kepemimpinan transformasional guru besar dengan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
4. Menentukan terdapat kesan langsung antara gaya kepemimpinan instruksional guru besar terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
5. Menentukan terdapat kesan langsung antara kompetensi ICT guru dengan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
6. Menentukan terdapat pengaruh yang signifikan gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru rendah dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
7. Menentukan sama ada faktor demografi seperti jantina, kelulusan akademik, dan pengalaman mengajar guru bertindak sebagai moderator dalam pengaruh antara

gaya kepemimpinan transformasi dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru untuk mengaplikasikan e-pembelajaran.

8. Menentukan model fit bagi model kajian yang terbentuk dapat menjelaskan perhubungan antara pengaruh kepemimpinan transformasi, kepemimpinan instruksional, dan kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, beberapa persoalan yang dapat dikemukakan untuk menganalisis kajian ini dengan lebih lanjut. Antara persoalan kajian ialah:

1. Apakah tahap
 - a) kepemimpinan transformasional guru besar?
 - b) kepemimpinan instruksional guru besar?
 - c) kompetensi ICT guru?
 - d) motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran berdasarkan jantina, kelulusan akademik, dan pengalaman mengajar guru?
3. Adakah terdapat kesan langsung antara gaya kepemimpinan transformasional guru besar dengan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran?
4. Adakah terdapat kesan langsung antara gaya kepemimpinan instruksional guru besar terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran?
5. Adakah terdapat kesan langsung antara kompetensi ICT guru dengan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran?

6. Adakah terdapat pengaruh yang signifikan gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran?
7. Adakah faktor demografi seperti jantina, kelulusan akademik, dan pengalaman mengajar guru bertindak sebagai moderator dalam pengaruh antara gaya kepemimpinan transformasi dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru untuk mengaplikasikan e-pembelajaran?
8. Adakah model fit bagi model kajian yang terbentuk dapat menjelaskan perhubungan antara pengaruh kepemimpinan transformasi, kepemimpinan instruksional, dan kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran?

1.6 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini mempunyai beberapa hipotesis alternatif yang dibentuk oleh penyelidik bagi membantu membuat penjelasan terhadap keputusan kajian yang berkaitan. Hipotesis alternatif yang dihasilkan ini adalah bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian, meneroka kesan, hubungan atau perbezaan yang wujud dalam populasi, yang boleh membawa kepada pandangan atau kesimpulan baharu tentang fenomena yang dikaji berdasarkan bukti empirikal. Berdasarkan hasil kajian bahan-bahan bacaan yang berkaitan, maka hipotesis-hipotesis berikut dikemukakan untuk diuji pada aras signifikan 0.05. Secara keseluruhannya, berikut merupakan hipotesis-hipotesis alternatif kajian yang akan di bina adalah seperti berikut:

H_{A1}: Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran berdasarkan jantina.

- H_{A2}: Terdapat perbedaan yang signifikan terhadap tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran berdasarkan kelulusan akademik.
- H_{A3}: Terdapat perbedaan yang signifikan terhadap tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar.
- H_{A4}: Terdapat kesan langsung antara gaya kepemimpinan transformasional guru besar dengan tahap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
- H_{A5}: Terdapat kesan langsung antara gaya kepemimpinan instruksional guru besar dengan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
- H_{A6}: Terdapat kesan langsung antara kompetensi ICT guru dengan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
- H_{A7}: Terdapat pengaruh yang signifikan gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
- H_{A8}: Demografi guru yaitu jantina guru berperanan sebagai moderator ke atas pengaruh gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
- H_{A9}: Demografi guru yaitu kelulusan akademik guru berperanan sebagai moderator ke atas pengaruh gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.
- H_{A10}: Demografi guru yaitu pengalaman mengajar guru berperanan sebagai moderator ke atas pengaruh gaya kepemimpinan transformasional dan

instruksional guru besar serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran.

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

1.7.1 Teori

Kajian ini melibatkan beberapa teori sebagai sorotan literatur yang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu teori kepemimpinan, teori kompetensi teknologi maklumat dan komunikasi ICT, dan teori motivasi. Walaubagaimanapun, hanya beberapa teori yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat dua teori kepemimpinan yang terlibat iaitu kepemimpinan transformasional dan instruksional. Justeru itu, terdapat pelbagai teori dan rangka kompetensi ICT namun hanya rangka kompetensi daripada model *Technological Pedagogical Content Knowledge* TPACK diadaptasi dalam kajian ini. Seterusnya, kajian ini juga merujuk kepada beberapa teori motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran seperti teori motivasi Maslow, teori faktor motivasi Herzberg dan Model Penerimaan Teknologi (TAM).

1.7.2 Metodologi

Kajian ini adalah kajian kuantitatif menggunakan kaedah deskriptif dan korelasi secara keratan rentas. Sehubungan dengan itu, bilangan responden hanya melibatkan guru di sekolah di zon atau wilayah selatan iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor yang melibatkan Pejabat Pelajaran Melaka (JPNM), Pejabat Pelajaran Negeri Sembilan (JPNS) dan Pentadbiran Pejabat Pelajaran Johor (JPNJ). Walaubagaimanapun, adalah diandaikan bahawa faktor dan sebab pemilihan populasi tidak mempengaruhi dapatan, kerana terdapat faktor keseragaman *homogeneity* yang signifikan dalam persekitaran

sekolah yang dipilih secara keseluruhan. Negeri-negeri zon selatan iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor dipilih kerana terdapatnya taburan sekolah di kawasan bandar, pedalaman, sekolah kluster kecemerlangan, sekolah berprestasi tinggi dan sekolah bestari. Seramai 480 orang guru yang dipilih dari 34 buah sekolah yang dipilih secara pensampelan rawak berstrata berkadaran. memandangkan ketiga-tiga negeri ini mempunyai beberapa daerah dan terdapatnya bilangan sekolah bandar dan luar bandar yang seimbang dan boleh mewakili sekolah-sekolah di negeri yang lain. Sehubungan dengan itu, corak dan senario persekolahan di ketiga-tiga negeri ini adalah sama dengan sekolah-sekolah kebangsaan yang terdapat di negeri lain di Malaysia mahupun di bandar dan luar bandar. Selain itu, kebanyakan sekolah-sekolah kebangsaan di bandar dan pedalaman di Negeri Sembilan, Melaka, dan Johor mempunyai pencapaian penarafan bintang *Smart School Qualification Standards* (SSQS) diantara 3 hingga 5 bintang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Hal ini penting supaya dapat memastikan bahawa sekolah-sekolah ini mempunyai kemudahan ICT (*Information Communication Technology*) seperti peralatan komputer, capaian internet dan sebagainya. Oleh yang demikian, sekolah kebangsaan di zon negeri selatan dapat mewakili senario persekolahan seluruh Malaysia termasuk sekolah kebangsaan di bandar dan luar bandar.

1.7.3 Instrumen

Kajian ini menggunakan beberapa instrumen untuk mengukur variabel-variabel bebas dan bersandar iaitu kepemimpinan transformasional dan instruksional, kompetensi ICT guru, dan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran. Antara instrumen-instrumen yang digunakan ialah MLQ (Multifactor Leadership Questionnaire) yang dibangunkan oleh Bass (1985) untuk kepemimpinan

transformasional dan *Principal Instructional Management Rating Scale* (PIMRS) yang dibangun oleh Hallinger dan Murphy (1985) untuk kepemimpinan instruksional. Kompetensi ICT guru pula akan diukur berdasarkan skor markah yang dilaporkan oleh guru menggunakan soal selidik yang dibina oleh Schmid, M., Brianza, E., & Petko, D. (2020) berdasarkan dan diadaptasi dari Model Pengetahuan Kandungan Pedagogi Teknologi '*The Technological Pedagogical Content Knowledge*' (TPACK) dan untuk motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran pula menggunakan instrumen yang diadaptasi daripada instrumen yang dibina oleh Weng et al., (2018) di mana instrumen motivasi ini selari dengan model *Technology Acceptance Model*, TAM.

1.8 Kepentingan Kajian

Gaya kepemimpinan guru besar dan kompetensi ICT guru adalah tergolong dalam elemen yang memainkan peranan untuk mempengaruhi motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran. Oleh yang demikian, menyedari akan keadaan serta fenomena ini, dapatan kajian ini dapat membantu serta memberi manfaat dan panduan kepada pihak yang berkaitan:

1.8.1 Perkembangan Teori

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pengkaji di institusi pendidikan sama ada sekolah, institut pendidikan guru mahupun universiti boleh mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang teori gaya kepemimpinan transformasional dan instruksional guru besar yang ditekankan oleh Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada anjakan kelima iaitu menerapkan kepemimpinan berprestasi tinggi di sekolah. Sementara itu, penekanan terhadap kompetensi ICT guru

juga dapat diutamakan dan dikuasai dengan optimum dikalangan guru sekolah berdasarkan kerangka teori kompetensi ICT guru yang diadaptasi daripada model *Technological Pedagogical Content Knowledge* TPACK. Kompetensi ICT guru juga ditekankan dalam Standard Digital Guru yang menilai tahap kompetensi digital guru serta merancang pelan intervensi dan keperluan latihan yang membantu meningkatkan tahap kompetensi digital dikalangan guru. Justeru itu, dari segi motivasi pula melalui model teori penerimaan teknologi atau '*technology acceptance model*' TAM, KPM boleh menilai dan merancang strategi untuk meningkatkan motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran. Motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran juga ditekankan dalam PPPM 2013-2025 pada anjakan ketujuh iaitu memanfaatkan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Oleh itu, hasil kajian juga ini dapat membuktikan bahawa kepemimpinan transformasional dan instruksional dapat mempertingkatkan tahap motivasi guru terutamanya dalam menerapkan e-pembelajaran lebih-lebih lagi semasa musim pandemik di mana e-pembelajaran ini sangat berguna dalam memastikan proses pengajaran dan pemudahcaraan pelajar tidak ketinggalan. Kajian ini dapat menilai pengaruh teori kepemimpinan transformasional, instruksional dan juga kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran di mana yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekankan penerapan e-pembelajaran dan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan.

1.8.2 Pembangunan Polisi Pendidikan

Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri, JPN juga boleh memastikan bahawa setiap guru besar diberi penghargaan kepada mereka yang

berpotensi dan memberi komitmen yang sangat baik dalam meningkatkan prestasi sekolah dan kebolehan memimpin berdasarkan maklumat yang didapati daripada kakitangan yang ditadbirnya. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dapat mewujudkan atau melaksanakan kursus dan latihan dari segi pembangunan atau kepemimpinan yang sesuai memfokus kepada persediaan untuk melahirkan pemimpin serta guru-guru yang komitmen terhadap tanggungjawab tugas-tugas di sekolah seperti Program Transformasional Minda, Apple teacher, Microsoft teacher, program pensijilan google, kursus pengurusan berkesan menggunakan aplikasi komputer, kursus pengurusan pembelajaran maya, kursus asas komputer, kursus pemantapan teknologi, dan kursus kompetensi berimpak tinggi . Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) boleh mengoptimumkan profesionalisme perguruan dengan mempertingkatkan nilai dan taraf guru serta mengambil langkah untuk menangani isu-isu berbangkit secara adil, tegas dan bijaksana. Kementerian Pendidikan Malaysia dapat mengkaji pengaruh Kepemimpinan Transformasional dan Instruksional guru besar terhadap motivasi guru dalam polisi pendidikan yang terkini iaitu penerapan Teknologi Maklumat dan Komunikasi merentas kurikulum.

1.8.3 Pengamal Pendidikan

Pengurusan institusi pendidikan dan sekolah, iaitu guru besar dapat melahirkan pengurusan sumber manusia yang berkesan dan cekap, persekitaran kerja yang membolehkan yang secara tidak langsung memberi impak positif kepada proses pengajaran menggunakan teknologi dan e-pembelajaran, termasuk kecemerlangan dalam aktiviti kokurikulum dan penggunaan Teknologi Pelaksanaan PAK 21. Kajian ini dapat menjadi garis panduan kepada guru besar untuk menyesuaikan kedua-dua gaya kepemimpinan iaitu transformasional dan instruksional untuk mempengaruhi

motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran seiring dengan dasar pendidikan yang terbaru iaitu menerapkan teknologi maklumat dan komunikasi merentas kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) khasnya supaya dapat membuat pemantauan serta melaksanakan kursus dan latihan yang bersesuaian serta menyediakan kelengkapan dan tenaga kerja yang berkesan. KPM dan JPN juga boleh mengenal pasti kelebihan dan kelemahan guru besar sekolah dalam urusan pentadbiran, kepemimpinan, dan pelaksanaan e-pembelajaran di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dapat mengkaji kesediaan guru besar dan guru-guru dalam mengaplikasi e-pembelajaran dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan di sekolah terutamanya sekiranya negara mengalami keadaan yang darurat seperti yang terjadi baru-baru ini iaitu tercetusnya wabak Covid-19 di mana pelajar tidak dapat hadir ke sekolah dan hanya boleh meneruskan proses pembelajaran secara e-pembelajaran.

1.9 Definisi Konseptual Dan Operasional

1.9.1 Kepemimpinan Transformasional

Konseptual: Menurut Bass dan Ruth (2008), kepemimpinan transformasional adalah salah satu gaya kepemimpinan berkarisma di mana ciri dan tingkah laku pemimpin yang memberi inspirasi, intelektual, dan bertimbang rasa secara peribadi kepada pengikutnya.

Operasional: Dalam kajian ini, kepemimpinan transformasional merupakan salah satu gaya kepemimpinan yang diamalkan oleh sekolah rendah, dengan beberapa dimensi

pengaruh ideal/karisma, rangsangan intelek, motivasi, dan pertimbangan pribadi. Kepemimpinan transformasional ini akan diukur menggunakan soal selidik MLQ (Multifactor Leadership Questionnaire) yang dibangun oleh Bass (1985) berdasarkan skor yang dilaporkan oleh guru pada empat dimensi ini.

1.9.2 Kepemimpinan Instruksional

Konseptual: Kepemimpinan instruksional boleh ditakrifkan sebagai tindakan yang diambil oleh atau guru kelas atau wakil mereka untuk menggalakkan perkembangan pembelajaran pelajar (Greenfield, 1987 & Hill, 2018). Dengan erti kata lain, kepemimpinan instruksional merupakan satu bentuk kepemimpinan yang menekankan keberkesanan pengajaran dan pelaksanaan proses pembelajaran dan pemudahcaraan.

Operasional: Gaya kepemimpinan instruksional merupakan tugas utama guru besar sebagai gaya kepemimpinan yang meningkatkan dan mentransformasikan proses pengajaran dan pemudahcaraan sekolah (Hallinger & Murphy, 1985). Dalam kajian ini, kepemimpinan instruksional adalah gaya kepemimpinan yang diamalkan oleh guru besar yang mempunyai tiga dimensi: menentukan misi sekolah, mengurus rancangan pembelajaran, dan mewujudkan suasana pembelajaran sekolah. Kepemimpinan instruksional ini akan diukur dengan skor markah yang dilaporkan oleh guru pada *Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS)* yang dibangun oleh Hallinger dan Murphy (1985).

1.9.3 Kompetensi ICT Guru

Konseptual: Kompetensi ditafsirkan sebagai kemampuan, pengetahuan, sikap, kemahiran, dan kebolehan untuk menjalankan tugas dengan jayanya dan berkesan (Leong Mei Wei, 2017). Kompetensi ICT guru pula ialah pengetahuan, literasi, kemahiran, dan kecekapan yang mesti dimiliki oleh guru untuk menggunakan ICT terutamanya dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Darus & Hamid, 2018). Oleh itu, guru perlu mempunyai tahap kompetensi ICT yang optimum demi meningkatkan tahap penguasaan ICT, kefahaman kegunaan ICT dalam kurikulum, dan kesedaran ICT serta kesannya menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Operasional: Dalam kajian ini, kompetensi ICT guru merupakan pengetahuan, literasi, serta kemahiran ICT yang ada pada seorang guru yang mempunyai tujuh dimensi iaitu pengetahuan teknologi (TK), pengetahuan pedagogi (PK) dan pengetahuan kandungan (CK), pengetahuan kandungan pedagogi (PCK), pengetahuan pedagogi teknologi (TPK), pengetahuan kandungan teknologi (TCK), dan pengetahuan kandungan pedagogi teknologi (TPACK) (Agustini et al., 2019). Oleh itu, instrumen yang akan digunakan untuk mengukur kompetensi ICT guru berdasarkan model TPACK ini diadaptasi daripada instrumen yang dibina oleh Schmid et al., (2020).

1.9.4 Motivasi Guru Dalam Mengaplikasikan E-Pembelajaran

Konseptual: Motivasi bergantung kepada persepsi bahawa perilaku atau perbuatan seseorang itu adalah berpunca dari dorongan dalaman dan tahapnya akan berkurangan sekiranya kecekapan dan rasa disiplin diri rendah (Asbulah et al., 2018). Seseorang itu akan bermotivasi apabila mereka melakukan sesuatu aktiviti atau sesuatu untuk

mendapatkan ganjaran, mengelakkan hukuman, menggembirakan seseorang, atau atas sebab lain yang tidak berkaitan dengan aktiviti yang dilakukan (Woolfolk, 2018). Justeru itu, Waller et al., (2019) menyatakan bahawa e-pembelajaran merupakan proses pembelajaran dan pengajaran dengan menggabungkan prinsip proses pembelajaran berasaskan teknologi. Berdasarkan pandangan di atas, dapat disimpulkan bahawa e-pembelajaran melibatkan penerimaan keberkesanan penggunaan teknologi seperti komputer, laman web, dan internet untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pemudahcaraan antara guru dan pelajar. Secara keseluruhannya, motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran adalah merangkumi sikap, kepercayaan, komitmen dan sokongan yang mereka terima, yang kesemuanya menyumbang kepada kejayaan integrasi teknologi dalam sistem pendidikan.

Operasional: Dalam kajian ini, motivasi e-pembelajaran adalah adaptasi kepada motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik amalan guru sekolah. Motivasi untuk mengajar e-pembelajaran akan diukur berdasarkan skor yang dilaporkan oleh guru berdasarkan soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen yang dibina oleh Weng, Yang, Ho and Su (2018) dan Talirkodi (2017) di mana instrumen motivasi ini selari dengan model TAM.

1.10 Rumusan

Pengaruh kepimpinan transformasi dan instruksional guru besar, serta kompetensi ICT guru terhadap motivasi guru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran memainkan peranan penting dalam memupuk persekitaran yang menyokong dalam pelaksanaan e-pembelajaran di sekolah. Kepimpinan transformasi, yang dicirikan oleh visi, inspirasi, dan rangsangan intelek, telah terbukti memberi kesan positif terhadap prestasi sekolah

dan kejayaan pelaksanaan inovasi pendidikan seperti e-pembelajaran. Selain itu, guru besar yang mengamalkan kepimpinan instruksional menyedari kepentingan menyediakan guru dengan kemahiran dan keyakinan yang diperlukan untuk mengaplikasikan e-pembelajaran untuk meningkatkan prestasi pembelajaran pelajar. Selain itu, kompetensi ICT guru memainkan peranan penting dalam memastikan guru-guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang optimum untuk mengaplikasikan e-pembelajaran dengan berkesan. Tambahan pula, motivasi guru adalah element utama dalam kesediaan mereka untuk mengaplikasikan e-pembelajaran dan mengintegrasikan teknologi secara berkesan ke dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan. Memahami interaksi antara gaya kepimpinan guru besar, kompetensi ICT guru, dan motivasi guru adalah penting untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong yang memudahkan penggunaan e-pembelajaran secara berkesan dalam sistem pendidikan. Dengan mengkaji hubungan variabel ini, institusi pendidikan boleh menggalakkan motivasi guru dan memastikan integrasi e-pembelajaran yang berjaya, akhirnya meningkatkan kualiti pendidikan dan hasil pembelajaran.

RUJUKAN

- Ab Aziz, N. F., & Maat, S. M. (2021). Kesiapan dan Efikasi Guru Matematik Sekolah Rendah dalam Pengintegrasian Teknologi Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 93–108. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.949>
- Abdillah, L. A., & Rahim, R. (2018). Analysis of Technology Acceptance Model (TAM) on E-Learning System. *Advances in Intelligent Systems Research (AISR)*, 144, 247–251. <http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>
- Abdullah, A. G. K., Ling, Y.-L., & Sufi, S. B. (2018). Principal Transformational Leadership and Teachers' Motivation. *Asian Education Studies*, 3(1), 36. <https://doi.org/10.20849/ae>
- Abdullah, A. S. B. (2019). *Kepemimpinan Perkongsian Guru Besar, Motivasi Dan Tekanan Kerja Guru Sekolah Rendah Berprestasi Cemerlang Di Kelantan*. Univeriti Utara Malaysia.
- Abdullah, I. F., Ismail, R., & Yin Yin, K. (2023). Pengukuran Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Sikap dan Minat dalam Kalangan Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(1), e002041. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i1.2041>
- Abdulrahman, M. D., Faruk, N., Oloyede, A. A., Surajudeen-Bakinde, N. T., Olawoyin, L. A., Mejabi, O. V., Imam-Fulani, Y. O., Fahm, A. O., & Azeez, A. L. (2020). Multimedia tools in the teaching and learning processes: A systematic review. *Heliyon*, 6(11), 1-14. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2020>
- Adams, D., Periasamy, R., Devadason, E., & Awang, S. (2018). Amalan Kepemimpinan Instruksional Guru Besar Di Sekolah Vernakular Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan. *MANU Bil. 28, 109-132, 2018 (Disember) E-ISSN 2590-4086*©, December, 109–132. <https://doi.org/10.51200/manu.v86>
- Adhikari, N. P. (2022). Instructional Leadership of Principals on Students' Achievement in Public Schools in Nepal. *Interdisciplinary Research in Education*, 7(1), 103–114. <https://doi.org/10.3126/ire.v7i1.47503>
- Admassie, S.Z. (2017). *Principal Leadership Practices, Teacher Motivation, and Student Achievement in Secondary Schools of Addis Ababa City Government*. Department of Educational Planning and Management, College of Education and Behavioural Studies Addis Ababa University.
- Agnes, N., & Lyonga, N. (2019). Principals' Transformational Leadership Skills and Teachers' Job Satisfaction in Secondary Schools in Meme Division Of Cameroon. *European Journal of Education Studies - Volume 6, Issue 1, 2019*, 6(1), 326–343. <https://doi.org/10.5281/zenodo.2652945>

- Agustini, K., Santyasa, I. W., & Ratminingsih, N. M. (2019). Analysis of Competence on “TPACK”: 21st Century Teacher Professional Development. *Journal of Physics: Conference Series*, 1387(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1387/>
- Ahamad, Z., & Kasim, A. L. (2016). The Effects of Transformational Leadership towards Teachers Innovative Behavior in Schools. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 6(5), 283–286. www.ijsrp.org
- Ahmad, M. F., & Husnin, H. (2022). Headmaster Technology Leadership and Its Relationship to Teachers’ Competence in Information and Communication Technology. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 1(4), 260–273. <https://doi.org/10.6007/IJARPED>
- Akbulut, C. K., Çetin-Dindar, A., Şeşen, B. A., & Küçük, S. (2023). Predicting Preservice Science Teachers’ TPACK Through ICT Usage. *Education And Information Technologies*, 28(9), 11269-11289. <https://doi.org/10.1007/s10639-023-11657-0>
- Akkaya, R. (2016). Research on the development of middle school mathematics pre-service teachers’ perceptions regarding the use of technology in teaching mathematics. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 12(4), 861–879. <https://doi.org/10.12973/eurasia.2016.1257a>
- Alasmari, M. A. (2022). The Attitudes Of Public-School Teachers Towards E-Learning In Saudi Arabia. *Arab World English Journal*, (2), 245-257. <https://doi.org/10.24093/awej/covid2.16>
- Alazam, A.-O., Bakar, A. R., Hamzah, R., & Asmiran, S. (2012). Teachers’ ICT Skills and ICT Integration in the Classroom: The Case of Vocational and Technical Teachers in Malaysia. *Creative Education*, 03(08), 70–76. <https://doi.org/10.4236/ce.2012.38b016>
- Ali, I., & Nosheen, F. W. (2023). Impact of personal innovativeness , perceived smartphone ease of use and mobile self-efficacy on smartphone-based personal information management practices. *The Electronic Library*, 41(4), 419–437. <https://doi.org/10.1108/EL-12-2022-0262>
- Almaiah, M. A. and Alyoussef, I. Y. (2019). Analysis Of The Effect Of Course Design, Course Content Support, Course Assessment And Instructor Characteristics On The Actual Use Of E-Learning System. *IEEE Access*, 7, 171907-171922. <https://doi.org/10.1109/access.2019.2956349>
- Almandeel, S., El-ebiary, Y. A. B., Hassan, A. H., & Abu-ulbeh, W. (2020). ICT and Leadership Styles-Level of Leadership Competence of Educational Leaders. *TEST Engineering & Management*, 83, 17077–17085.
- Almulla, M. (2021). Technology Acceptance Model (TAM) and Elearning System Use for Education Sustainability. *Academy of Strategic Management Journal*, 20(4), 1–13.

- Alotebi, H., Alharbi, O., & Masmali, A. (2018). Effective Leadership in Virtual Learning Environments. *International Journal of Information and Education Technology*, 8(2), 156–160. <https://doi.org/10.18178/ijiet.2018.8.2.1026>
- Alqahtani, M. A., Alamri, M. M., Sayaf, A. M., & Al-Rahmi, W. M. (2022). Exploring Student Satisfaction And Acceptance Of E-Learning Technologies In Saudi Higher Education. *Frontiers In Psychology*, 13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.939336>
- Amatan, M. A., Gregory, C., & Han, K. (2020). Perbezaan Faktor Demografi dalam Efikasi Kendiri Guru dan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke 21. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences Journal Homepage*, 18(1), 17–36. www.akademiabaru.com/arsbs.html
- Ambikapathy, A., Halili, S. H., & Ramasamy, M. D. (2020). Kemahiran TMK Dalam Kalangan Guru-Guru Bahasa Tamil Sekolah Menengah [ICT Skills Among Secondary School Tamil Language Teachers]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 99–114. <https://doi.org/10.33306/mjssh/85>
- Amelia, P., Rukmini, D., Mujiyanto, J., & Bharati, D. A. L. (2021). Investigating The Development Of Teachers' Tpack And The Adoption Of Digital Storytelling: A Case Study Of Teaching English In Elementary School. *The Journal Of Asia TEFL*, 18(2), 701-710. <https://doi.org/10.18823/asiatefl.2021.18.2.25.70>
- Amuko, S., Miheso, M., & Ndeuthi, S. (2015). Opportunities and Challenges : Integration of ICT in Teaching and Learning Mathematics in Secondary Schools , Nairobi , Kenya. *Journal of Education and Practice*, 6(24), 1–7. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ107886>
- Anas Al Haj. (2017). Leadership Styles and Employee Motivation in Qatar Organizations. Walden University. In *Walden Dissertations and Doctoral Studies*. <https://scholarworks.waldenu.edu/dissertations>
- Anderson, Philip H, Lawton, Leigh, Rexeisen, Richard J, et al. (2006). “Short-term study abroad and intercultural sensitivity: A pilot study”. *International Journal of Intercultural Relations*, 30(4), 457-469.
- Antin, A. Bin, & Kiflee@Dzulkifli, D. N. B. A. (2018). Pengaruh Beban Tugas dan Motivasi Terhadap Keefisienan Kerja Guru Sekolah Menengah di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ - SSH)*, 3(2), 77–84.
- Anumaka, I. B., & Ssemugenyi, F. (2013). Gender and Work-Productivity of Academic Staff in Selected Private Universities in Kampala City, Uganda. *International Journal of Research in Business Management*, 1(3), 29-36.
- Ardıç, Ö., & Çiftçi, H. (2019). ICT Competence and Needs of Turkish EFL Instructors: The Role of Gender, Institution and Experience. *Eurasian Journal of AppliedLinguistics*, 5(1), 153–173. <https://doi.org/10.32601/ejal.543791article/view/1119/742>

- Arokiasamy, A. R. A., Abdullah, A. G. K., @ Shaari, M. Z. A., & Ismail, A. (2016). Transformational Leadership of School Principals and Organizational Health of Primary School Teachers in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 229, 151–157. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.07.124>
- Asare, K. B. (2016). Are Basic School Head Teachers Transformational Leaders? Views Of Teachers. *African Journal Of Teacher Education*, 5(1), 1–19.
- Asbulah, L. H., Lubis, M. A., Aladdin, A., & Sahrim, M. (2018). (The level of holistic, intrinsic and extrinsic motivation towards arabic language vocabulary among graduate students in public universities). *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33(January), 75–93. <https://doi.org/10.21315/apjee2018.33.6>
- Ashkanani, A. and Tamtam, A. (2021). The Effects Of The Covid-19 Pandemic On Kuwaiti Kindergarten Staff To Adopt E-Learning System. *European Scientific Journal*, 17(12). <https://doi.org/10.19044/esj.2021.v17n12p59>
- Aslan, A. and Zhu, C. (2016). Investigating Variables Predicting Turkish Pre-Service Teachers' Integration Of Ict Into Teaching Practices. *British Journal Of Educational Technology*, 48(2), 552-570. <https://doi.org/10.1111/bjet.12437>
- Asraf, M., Siraj, M. M., Rami, A. A., Omar, R., Azni, N., Aziz, A., Ashraff, M., & Anuar, M. (2023). The Relationship Between Principals ' Leaderships Towards TVET Teachers ' Motivation in Implementing ICT. *Journal Of Technical Education And Training*, 15(3), 79–91. <http://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/jtet>
- Atalay, D., Akçil, U., & Özkul, A. E. (2019). Effects of transformational and instructional leadership on organizational silence and attractiveness and their importance for the sustainability of educational institutions. *Sustainability* 2019, 11, 5618; *Doi:10.3390/Su11205618*, 11(20). <https://doi.org/10.3390/su>
- Awang, Z. (2021). *Research Methodology and Data Analysis (2nd ed.)*. Universiti Teknologi Mara, UiTM Press
- Azhar, I. N. K., & Hashim, H. (2022). Level of ESL Teachers' Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK) Skill and Attitude towards Technology. *Creative Education*, 13(04), 1193–1210. <https://doi.org/10.4236/ce.2022.134074>
- Aziz, A., Padil, M., Mujtahid, M., & Prihadi, K. D. (2022). Transformational leadership style in rural schools during pandemic: A case study in Indonesian non-WEIRD community. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 11(2), 947–953. <https://doi.org/10.11591/ijere.v11i2.22135>
- Aziz, F., Md Rami, A., Razali, F., & Mahadi, N. (2020). The influence of leadership style towards technology acceptance in organization. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(7 Special Issue), 218–225.

- Baharuldin, Z., Jamaluddin, S., Shahril, M., & Shaharom, N. (2019). The Role of Teacher Readiness as a Mediator in the Development of ICT Competency in Pahang Primary School The Role of Teacher Readiness as a Mediator in the Development of ICT Competency in Pahang Primary School. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, September. <https://www.researchgate.net/publication/339972973%0AThe>
- Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin, & Azlin Norhaini Mansor. (2017). Gaya Kepemimpinan Guru Besar Dan Tahap Efikasi Guru. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 9–17. <http://spaj.ukm.my/jplearning/index.php/jplearning/arti>
- Bai, H., & Yang, S. (2019). Research on the Long-term Mechanism for Pre-service Teachers' ICT Literacy Education. *Advances in Economics, Business and Management Research*, 94(1), 669–672. <https://doi.org/10.2991/jahp-19.2019.136>
- Bakar, M. A. A., & Nasri, N. M. (2021). Kompetensi Teknologi E-Pengajaran Guru Bagi Mendepani Pendidikan Pasca Pandemi Covid-19. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 4(11), 58–73. <http://www.jossr.com/PDF/JOSSR-2021-11-06-07.pdf>
- Bambang Budi Wiyono. (2016). Comparison of Teachers' Work Motivation Based on Gender, Age, Education Level, Work Duration, Rank, and School Level. *Journal of Education and Social Sciences*, 3, 61–66.
- Basilotta-Gómez-Pablos, V., Matarranz, M., Casado-Aranda, L. A., & Otto, A. (2022). Teachers' digital competencies in higher education: a systematic literature review. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 19(1). <https://doi.org/10.1186/s41239-021-00312-8>
- Bass, B. M. & Ruth Bass (2008). *The Bass Handbook of Leadership: Theory, Research and Managerial Application*, (4th ed). New York: Free Press
- Bass, B.M. (1985). *Leadership and performance beyond expectations*. New York: The Free Press.
- Baumeister, R.F., (2016), 'Toward a general theory of motivation: Problems, challenges, opportunities, and the big picture', *Motivation and Emotion*, vol. 40, no.1, pp. 1-10.
- Bensimon, E. M., Neumann, A., & Birnbaum, R. (1989). *Making sense of administrative leadership: The "L" word in higher education*. Washington, DC: School of Education and Human Development, The George Washington University.
- Beytekin, O. F. (2014). High School Administrators' Perceptions of Their Technology Leadership Preparedness. *Educational Research and Reviews*, 9(14), 441–446. <https://doi.org/10.5897/ERR2014.1858>

- Binyamin, S. S., Rutter, M. J., & Smith, S. (2019). The moderating effect of education and experience on the use of learning management systems. *ACM International Conference Proceeding Series, Part F1481*(May), 293–300. <https://doi.org/10.1145/3318396.33184>
- Bity Salwana Alias & Melvin Seman Anak Entika. (2020). Gaya Kepemimpinan Dan Motivasi Guru Di Sekolah Menengah Harian di Daerah Miri. *ICOFEA 2020 Conference Proceeding EISBN 978-967-14616-7-9*, 151–156. <https://www.masree.info/icofea-2020/%0Ae-ISBN>
- Bolman, L., & Deal, T. (2003). *Leadership Orientations Survey*. Cambridge: National Centre for Educational Leadership.
- Buabeng-Andoh, C. (2019). Factors That Influence Teachers' Pedagogical Use Of ICT In Secondary Schools: A Case Of Ghana. *Contemporary Educational Technology, 10*(3), 272–288. <https://doi.org/10.30935/cet.590099>
- Burns, J. M. (1978). *Leadership*. New York: Harper and Row.
- Bush, T. (2007). Educational leadership and management: theory, policy, and practice. *Educational Leadership and Management: Theory, Policy, and Practice, 27*(3), 391–406.
- Byrne, B.M. (2016). *Structural Equation Modelling With AMOS: Basic Concepts, Applications, and Programming, Third Edition (3rd ed.)*. New York, Routledge.
- Cakir, R. & Solak, E., (2015). Attitude of Turkish EFL Learners towards e-Learning through Tam Model. *Procedia Soc. Behav. Sci.*, 176, 596–601.
- Cao, L., City, J., Rasul, M. S., & Omar, M. (2023). The Challenges and Factors Influencing ICT Integration for EFL Teachers in China: A Systematic Review. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research, 22*(9), 463–477. <https://doi.org/10.26803/ijlter.22.9.25>
- Çetin, M., & Işçi, T. G. (2022). Relationship Between Social Studies Teacher Candidates' Digital Literacy Self-Efficacy Levels And Information And Communication Technology Competencies. *International Journal of Education and Literacy Studies, 10*(2), 71–80. <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.10n.2p.71>
- Chai, C. S., Ng, E. M. W., Li, W., Hong, H., & Koh, J. H. L. (2013). Validating And Modelling Technological Pedagogical Content Knowledge Framework Among Asian Preservice Teachers. *Australasian Journal Of Educational Technology, 29*(1). <https://doi.org/10.14742/ajet.174>
- Chandra, V., & Mills, K. A. (2015). Transforming The Core Business Of Teaching And Learning In Classrooms Through ICT. *Technology, Pedagogy and Education, 24*(3), 285–301. <https://doi.org/10.1080/1475939X.2014.975737>
- Chen, L., Chen, C., & Chen, C. (2010). Are Educational Background And Gender Moderator Variables For Leadership, Satisfaction, And Organizational Commitment? *African Journal of Business Management, 4*(2), 248–261.

- Chen, W., Ho, J. M., Foo, D., & Ng, S. (2013). School Leadership In ICT Implementation : Perspectives From Singapore. *The Asia-Pacific Education Researcher*, 22(3), 301–311. <https://doi.org/10.1007/s40299-013-0068-y>
- Cheok, M. L., Wong, S. L., Ahmad Fauzi Ayub, & Rosnaini Mahmud. (2017). Teachers' Perceptions of E-Learning in Malaysian Secondary Schools- Frog VLE. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 5(2), 20–33. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1142390.pdf>
- Chigona, A., Chigona, W., & Davids, Z. (2014). Educators' motivation on integration of ICTs into pedagogy: Case of disadvantaged areas. *South African Journal of Education*, 34(3). <https://doi.org/10.15700/201409161051>
